

**NO. SOALAN: 64**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN R. SIVARASA [ SUBANG ]**

**TARIKH : 24 MAC 2015**

**RUJUKAN : 7554**

**SOALAN:**

**Tuan R. Sivarasa [ Subang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status siasatan kes 1MDB berikutan laporan polis Datuk Seri Paduka Khairuddin Abu Hassan terhadap 1MDB dan subsidiarinya (The Star, 13 Disember 2014, Umno man lodges police report against 1MDB).

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**PDRM telah menerima laporan yang dibuat oleh Datuk Seri Paduka Khairuddin Abu Hassan yang telah diklasifikasikan di bawah seksyen 409 Kanun Keseksaan (kesalahan pecah amanah oleh ejen) dan siasatan sedang dijalankan oleh pihak polis. Memandangkan pada masa yang sama, Datuk Seri Paduka Khairuddin Abu Hassan juga telah membuat pengaduan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB), pihak polis kini dalam proses mendapatkan maklum balas daripada pihak SPRM berhubung siasatan ke atas pengaduan tersebut bagi mengelakkan pertindihan penyiasatan ke atas 1MDB.**